

Info

⊙ **27 MEI 1961**

- Tunku Abdul Rahman mengemukakan pembentukan Malaysia pada Persidangan Persatuan War-tawan Luar Negeri Asia Tenggara yang diadakan di Hotel Adelphi, Singapura.

⊙ **23 JULAI 1961**

- Mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel Cawangan Tanah Melayu dan Borneo di Singapura bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia dipengerusikan oleh Donald Stephens (Fuad Stephens).

⊙ **OGOS 1961**

- Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia pertama diadakan di Sabah.

⊙ **18-20 DISEMBER 1961**

- Mesyuarat kedua Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia diadakan di Kuching, Sarawak.

⊙ **6-7 JANUARI 1962**

- Mesyuarat ketiga Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia diadakan di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Kuala Lumpur.

⊙ **17 JANUARI 1962**

- Jawatankuasa Cobbold ditubuhkan



Pelajar Sekolah Menengah La Salle dengan sepanduk Malaysia dan Merdeka berarak pada perhimpunan sempena sambutan Hari Malaysia di Kota Kinabalu pada 16 September 1964.

[FOTO KOLEKSI NSTP]



Perjuangan tarikh keramat 16 September

BH
16/9/2015
mls 14

» *Penubuhan
Malaysia pernah
ditentang
negara jiran*

tidak tahu sejarahnya dan peritnya usaha terpaksa dilakukan pemimpin terdahulu untuk menggabungkan Negeri di Bawah Bayu dan Bumi Kenyalang.

Penubuhan Persekutuan Malaysia dirasmikan serta diisytiharkan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 16 September 1963 di Stadium Merdeka yang menjadi lokasi kepada pengisytiharan kemerdekaan negara.

Perisytiharan itu disaksikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu, Gabenor (kini Yang di-Pertua) Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah serta 30,000 rakyat.

Namun, ramai yang tidak tahu khususnya generasi muda hari ini, penubuhan Persekutuan Malaysia ditentang hebat oleh negara jiran, Indonesia dan Filipina.

Rasa tidak puas hati itu diterje-



Oleh Haspaizi Mohd Zain
haspaizi@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Selain 31 Ogos 1957, 16 September 1963 sememangnya menjadi tarikh keramat buat rakyat Malaysia apabila termeterainya sejarah pembentukan Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak.

Ramai yang tahu 16 September sebagai Hari Malaysia, namun, ramai

SINGAPURA



34 FEBRUARI 1962

- Mesyuarat keempat Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia

21 JUN 1962

- Laporan Suruhanjaya Cobbold disiapkan dan dikemukakan kepada Kerajaan Britain dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu

JULAI 1962

- Kata sepakat dicapai Tunku Abdul Rahman dan Perdana Menteri Britain, Harold MacMillan mengadakan rundingan.

9 JULAI 1963

- Perjanjian penting ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel

di Malborough House, London. Perjanjian penubuhan Persekutuan ditandatangani oleh wakil Kerajaan Britain, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.

16 SEPTEMBER 1963

- Upacara perisytiharan Malaysia diadakan di Stadium Merdeka Kuala Lumpur.

mahkan Indonesia di bawah pemerintahan Presiden Sukarno yang melancarkan konfrontasi ketenteraan di bawah slogan Ganyang Malaysia yang berlanjutan sehingga tahun 1966 dan Filipina pula menuntut haknya ke atas Sabah atas hujahan perjanjian yang dimeterai antara Kesultanan Sulu dengan Britain.

Brunei yang turut termasuk dalam rancangan penubuhan Persekutuan Malaysia membatalkan penyertaannya setelah berdepan dengan pemberontakan besar-besaran di Brunei oleh AM Azhari pada

penghujung 1962.

Konfrontasi dilancarkan Presiden Sukarno berterusan selama tiga tahun hingga mengakibatkan berlaku pertumpahan darah dan memaksa kepada campur tangan tentera dan ia dapat dilihat dalam pertempuran di antara Tentera Darat dengan angkatan rejim Sukarno di satu Pos Sementara tentera di Kalabakan, Tawau, Sabah.

Serangan yang berlaku pada waktu Maghrib itu mengorbankan seramai tujuh orang dan mencederakan 16 yang lain. Begitu juga

dengan serangan yang berlangsung di Pontian, Labis, Kota Tinggi dan Batu Pahat di Johor.

Tentangan ke atas penubuhan Malaysia mengakibatkan pertempuran yang hebat antara tentera kedua-dua negara. Bagi menyelesaikan masalah berikut dan memulihkan keamanan di rantau Asia Tenggara, maka suatu persidangan kemuncak diadakan antara ketua-ketua tiga negara yang terbabit dalam pertikaian iaitu Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina.

Dalam persidangan kemuncak di Manila yang berlangsung pada akhir bulan Julai 1963, tolak ansur berlaku antara negara terbabit dan tarikh perisytiharan negara baru Malaysia akan diumumkan setelah Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berpuas hati dengan kehendak rakyat dari wilayah Sabah dan Sarawak.

Tarikh perasmian pengisytiharan Persekutuan Malaysia ditangguhkan daripada 1 Jun ke 31 Ogos 1963 kerana menunggu Laporan Suruhanjaya Cobbold. Namun, tarikh itu ditangguhkan lagi setelah Indonesia dan Filipina memperhebatkan tentangan mereka terhadap penubuhan Persekutuan Malaysia dan akhirnya 16 September 1963 menjadi hari secara rasminya Persekutuan Malaysia ditubuhkan.

Sejarah penubuhan Malaysia ber-



Veteran Perang **diberi tepukan gemuruh** pada sambutan Hari Malaysia Ke-50 di Padang Merdeka, Kuching yang turut dibanjiri lebih 50,000 orang.

[FOTO GHAZALI BUJANG / BH]



BH
16/9/2015
MIS 15

mula pada 27 Mei 1961, apabila Tunku Abdul Rahman mengumumkannya pada Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara yang diadakan di Hotel Adelphi, Singapura mengenai rancangan untuk menggabungkan Singapura, Brunei, Borneo Utara dan Sarawak dalam satu kerajaan politik.

Antara tujuan utamanya adalah membendung pengaruh komunis, mengimbangi jumlah penduduk, meningkatkan kemajuan ekonomi dan mempercepatkan proses kemerdekaan bagi negeri-negeri terbabit.



Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari (kiri) **melancarkan setem baharu** keluaran Pos Malaysia sempena sambutan Hari Malaysia dan Hari Kebangsaan yang bertemakan Malaysia Sehati Sejiwa di Kota Kinabalu, semalam.